

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana wanita dapat mengimbangi kedua-dua peranan iaitu sebagai pekerja di luar rumah dan pengurus rumahtangga. Pengkaji telah memilih wanita dalam tiga jenis kerjaya yang berbeza iaitu jurutera, arkitek dan pengaturcara program komputer. Oleh kerana ketiga-tiga kerjaya ini merupakan dominasi lelaki, pengkaji ingin melihat sejauhmana wanita dapat bertahan dalam bidang-bidang ini. Kejayaan wanita dalam ketiga-tiga kerjaya ini lebih bergantung kepada faktor kewibawaan dan komitmen kerja yang tinggi. Faktor jantina langsung tidak mempengaruhi kelancaran peranan seorang wanita di tempat kerja. Sebaliknya sifat profesional dalam kerja dan darjah keefisienan yang tinggi merupakan kunci terpenting dalam memastikan kejayaan di tempat kerja.

Kajian ini juga memperlihatkan yang wanita Melayu dalam bidang profesional masih terikat dengan peranan tradisi. Namun, dalam mengimbangi kedua-dua peranan sebagai pekerja dan pengurus rumahtangga, perubahan peranan

tidak dapat dielakkan. Bagi menjamin kelancaran peranan wanita di rumah, bantuan-bantuan luar khususnya bantuan suami, pembantu rumah dan bantuan peralatan rumah tangga adalah penting. Kajian ini juga membuktikan yang wanita Melayu yang dikaji masih lagi meletakkan rumah tangga sebagai prioriti yang utama. Mereka akan sedaya upaya cuba untuk menjalankan tanggungjawab rumah tangga sebaik yang mungkin. Oleh yang demikian campurtangan daripada pihak suami dalam kerja-kerja rumah tangga amat diperlukan. Bagi menjamin kejayaan isteri dalam kerjaya dan rumah tangga, kerelaan suami untuk berkongsi peranan domestik dengan isteri amat penting. Sokongan moral dan perkongsian pendapat serta masalah dengan suami juga dapat membantu isteri memainkan peranannya dengan lebih berkesan. Bantuan-bantuan luar seperti pembantu rumah dan bantuan peralatan rumah juga ternyata dapat mempengaruhi kelancaran peranan wanita di rumah. Kedua-dua bantuan ini jelas dapat memberikan kedua-dua sokongan fizikal dan mental kepada wanita agar dapat meluangkan lebih masa yang berkualiti bersama keluarga.

Maka kajian ini bertujuan untuk menilai sejauhmana wanita mampu untuk mengimbangi peranan mereka sebagai pekerja dan pengurus rumah tangga sesuai dengan perubahan peranan yang berlaku. Kajian ini juga memperlihatkan yang kejayaan peranan wanita di rumah

sebenarnya mempengaruhi kelancaran dan kejayaan peranan wanita di tempat kerja. Ini kerana wanita Melayu dalam ketiga-tiga bidang yang dikaji masih lagi meletakkan rumahtangga sebagai matlamat utama dalam hidup. Oleh yang demikian untuk berjaya dalam kerjaya, terlebih dahulu wanita Melayu mesti memastikan yang mereka berjaya dalam menjalani kewajipan mereka terhadap keluarga. Terbukti yang kajian menunjukkan walau setinggi mana pendidikan yang diperolehi, namun wanita Melayu yang dikaji masih lagi terikat dengan nilai tradisi dan agama. Tanggungjawab terhadap keluarga tetap dilihat sebagai peranan suci yang mesti dilaksanakan dengan sempurna.

### **1.1. Bidang dan Permasalahan Kajian**

Menurut Lindsey [1990], gender merujuk kepada aspek-aspek sosial, budaya dan psikologi yang dikaitkan dengan peranan lelaki atau wanita dan ini ditentukan oleh masyarakat. Perbezaan gender yang ditentukan oleh budaya diterima oleh anggota-anggota masyarakat melalui proses sosial dan boleh berubah apabila masa berlalu.

Menerusi sistem gender, peranan lelaki atau wanita itu dibezakan dari segi tingkahlaku, sikap, motivasi dan juga psikologi. Dalam masyarakat tradisional sifat-sifat seorang lelaki itu ditakrifkan sebagai,

being assertive, being interested in things rather than people, being analytical and manipulative, and being able to get things done.

[Forisha, 1978:23]

Sebaliknya, sifat-sifat wanita digambarkan sebagai penyayang, lemah lembut, mudah menerima arahan dan patuh terhadap arahan [Forisha, 1978:24]. Maruah dan harga diri seseorang wanita diperolehi dengan memberi layanan dan perkhidmatan kepada kaum lelaki. Oleh yang demikian seseorang wanita dilihat rendah statusnya daripada lelaki yang dianggap sebagai kaum yang dominan dalam masyarakat. Kesan daripada perbezaan sifat-sifat ini berlaku ketidakseimbangan hubungan antara lelaki dan wanita. Lelaki yang diterima sebagai pelindung kepada wanita diberi kuasa dan status yang lebih tinggi berbanding dengan wanita. Wanita sebagai kaum yang lemah dijangkakan memberi kesetiaan yang tidak berbelah bagi terhadap lelaki dan seterusnya menjadi individu yang terletak di bawah telunjuk lelaki [Bullough, 1974:335]. Hubungan yang tidak seimbang ini amat ketara dalam masyarakat primitif yang menjalankan kegiatan memburu dan meramu makanan. Dalam masyarakat ini, peperangan dilihat sebagai jalan utama untuk menyelesaikan masalah antara kumpulan. Ini secara

tidak langsung membantu kaum lelaki untuk menguasai kaum wanita kerana hanya kaum lelaki yang mempunyai sifat agresif dalam perperangan. Perbezaan peranan yang sebegini membawa kepada hubungan yang tidak seimbang antara lelaki dan wanita. Lelaki dikaitkan dengan kuasa dan status yang tinggi dan wanita sebagai golongan yang dilindungi dan menerima arahan. Hubungan ini akhirnya menjadi norma hidup masyarakat di mana kaum lelaki dan wanita dilengkapkan dengan kebolehan, peranan dan status yang berbeza [Rossi, 1977:31].

Fenomena perbezaan peranan yang diberikan oleh masyarakat yang bermula sejak zaman primitif lagi berterusan hingga ke dua dekad kebelakangan ini, iaitu wanita hanyalah menjalankan peranan-peranan domestik dalam lingkungan rumah. Dalam buku **Family Law and Customary Law in Asia**, ditetapkan yang peranan seorang wanita adalah untuk pengurusan rumahtangga,

Bagi anak perempuan diserahkan menganyam dan menjahit. Dapat tikar sehelai, bantal sebuah sukalah emak dengan bapanya.

[Mohamed Din Ali,  
1968:183]

Namun proses globalisasi, terutama melalui pendidikan formal telah mengubah struktur sosial masyarakat. Pendidikan moden bukan sahaja membantu perkembangan fakulti mental tetapi juga membantu seseorang menaikkan kedudukan statusnya dalam masyarakat. Perbincangan selanjutnya akan meninjau bagaimana pendidikan berperanan sebagai loncatan bagi kaum wanita untuk melepas diri daripada kongkongan dan peranan tradisi.

Dalam masyarakat Melayu tradisi, orang yang bertanggungjawab memberi pendidikan kepada seseorang kanak-kanak perempuan ialah ibu, ibu saudara, kakak atau saudara-saudara perempuan yang lain. Winstedt [1966] menyebut bahawa mereka dipertanggungjawabkan untuk mengajar seorang kanak-kanak perempuan tentang perihal kerja-kerja rumah dan kemahiran tangan. Dalam masyarakat tradisi, tempat seseorang wanita ialah di rumah kerana di rumahlah ia memperolehi pendidikan yang sempurna. Keluarga Melayu tradisi percaya bahawa seorang wanita tidak perlu ke sekolah untuk mendapat pendidikan kerana ia bakal menjadi seorang isteri dan ibu. Ini telah dijelaskan oleh O'Brien,

... the patriarchal belief  
(was) that a woman does not  
need a career because she is  
always someone's daughter,  
later someone's wife.

[1983:210]

Dalam masyarakat Melayu tradisi, amalan patriaki wujud di mana kedudukan lelaki itu dianggap berkedudukan lebih tinggi daripada wanita [Manderson, 1981:25]. Sistem patriaki merujuk kepada satu susunan hierarki yang golongan lelaki berkuasa ke atas wanita. Sistem ini membenarkan penguasaan lelaki terhadap wanita, terutamanya penguasaan terhadap tenaga wanita dalam keluarga [Hartmann, 1979:207]. Amalan ini ditegaskan lagi oleh ajaran Islam yang menetapkan ketua bagi keluarga ialah kaum lelaki kerana mereka memiliki kekuatan fizikal dan emosi yang berfungsi untuk melindungi kaum wanita [Suzanne Haneef, 1985:143]. Dengan kekuatan fizikal dan emosi, seorang suami mempunyai lebih kemampuan untuk mencari nafkah, memelihara dan melindungi keluarga [Muhammad Ali Quthb, 1989:113]. Atas faktor inilah dalam Islam, kewajipan mencari nafkah diletakkan di atas bahu suami dan suami berperanan sebagai pemimpin dalam keluarga. Namun ini tidak bermakna kedudukan wanita dalam Islam tidak mempunyai hak sebagai seorang individu. Sebagai seorang manusia, wanita dilihat sebagai individu bebas yang menikmati hak dan kebebasan. Misalnya menurut Islam, wanita mempunyai hak dalam bidang-bidang kemasyarakatan. Seorang wanita mempunyai hak untuk saling tolong menolong dan bantu membantu dengan kaum lelaki di bidang ekonomi dan sosial. Selain daripada itu seorang wanita Islam juga mempunyai hak untuk menuntut ilmu. Agama Islam juga menetapkan hak

seorang wanita untuk memiliki harta dan kekayaan. Islam memberikan hak sepenuhnya bagi seorang wanita untuk memiliki harta, memberi dan menerima harta. Ini seperti yang diperjelaskan dalam Al Quran,

Kaum lelaki mempunyai hak ke atas sebahagian dari harta peninggalan ibu bapa dan kaum kerabatnya, dan kaum wanita pun mempunyai hak ke atas sebahagian dari harta peninggalan ibu bapa dan kaum kerabatnya, sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan .

[Surah An Nisa:7]

Dalam hal kekeluargaan pula, hak kepimpinan diberi kepada kaum lelaki kerana lelaki merupakan pencari nafkah dan pelindung kepada keluarga. Islam sebenarnya memberi kelebihan kepada wanita dan tidak mahu membebangkan wanita dalam kesusahan menanggung keluarga. Tetapi ini tidak bermakna yang ajaran Islam melarang wanita menyara keluarga apabila mereka diperlukan misalnya apabila mereka kematian suami, diceraikan atau tidak ada saudara lelaki yang membantu [Faisal Hj. Othman, 1993:9]. Islam juga tidak melarang wanita memajukan diri dan membuat amal dengan syarat ia mendapat keizinan suami serta tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu. Seorang wanita Islam diberikan hak untuk melakukan kerja yang disukainya dan hasil kerja yang dilakukannya adalah setaraf

dengan hasil kerja seorang lelaki [Saaidatun Noor, 1989:60].

Menjelang tahun-tahun 1950an, masyarakat Melayu mengalami perubahan apabila bilangan ibu bapa semakin meningkat menghantar anak-anak gadis mereka ke sekolah untuk mendapat pendidikan sekular secara formal. Menurut Hashimah Roose, perubahan ini berlaku disebabkan oleh:

A tendency to encourage daughters whenever possible, to be as highly educated as the boys. There seems to be developing a sense of family and racial pride when a Malay girl is able to continue her education at the University. This sort of pride was previously reserved only for the achievement of the boys.

[1963:292]

Wujudnya kecenderungan untuk menggalakkan anak-anak gadis untuk memperolehi pendidikan tinggi adalah didorong oleh kesedaran yang melalui pendidikan maruah keluarga dan bangsa boleh dipertingkatkan. Kesedaran seperti ini dahulu hanya diperolehi melalui pencapaian pendidikan anak lelaki sahaja.

Ibu bapa mula menyedari bahawa pendidikan semakin penting dan dianggap menjadi asas yang kukuh bagi mendapat pekerjaan dan status sosial. Walaupun jumlah pelajar wanita di sekolah lebih kecil berbanding pelajar lelaki pada tahun 1957, namun jumlahnya semakin bertambah pada tahun 1967 (lihat Jadual 1.1). Di antara tahun 1957 dan 1967 terdapat peningkatan seramai 25,392 orang pelajar wanita yang menuntut di sekolah rendah bagi Semenanjung Malaysia.

Jadual 1.1

Kemasukan Pelajar Lelaki dan Wanita Dari Darjah Satu ke Enam Antara Tahun 1957-1967 Bagi Semenanjung Malaysia

Tahun	1957	1967
Lelaki	253,450	299,051
Perempuan	168,117	293,509
Jumlah	441,567	592,560

Sumber: Statistik Pendidikan Malaysia, 1957-1967, Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Dikutip Dari Jamilah Ariffin, Women and Development in Malaysia, 1992:58-59.

### Jadual 1.2

#### Kemasukan Pelajar Lelaki dan Wanita Dari Peralihan ke Tingkatan Enam Antara Tahun 1957-1967 Bagi Semenanjung Malaysia

Tahun	1957	1967
Lelaki	1,674	76,454
Perempuan	641	51,615
Jumlah	2,315	128,069

Sumber: Statistik Pendidikan Malaysia, 1957-1967, Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Dikutip Dari Buku Women and Development in Malaysia, Jamilah Ariffin, 1992:58-59

Kemasukan pelajar wanita ke peringkat menengah atas (tingkatan tiga hingga enam) adalah lebih kecil daripada peringkat rendah pada tahun 1957 [Jadual 1.2]. Namun pada tahun 1967 terdapat peningkatan penyertaan pelajar wanita bagi kedua-dua kategori itu dan penyertaan wanita dalam pendidikan semakin mantap menjelang tahun-tahun 1970an dan terus kukuh hingga tahun-tahun 1990an [Jadual 1.3]. Perubahan ini seiring dengan kesedaran masyarakat Melayu tentang kepentingan pendidikan dan kaitannya dengan mobiliti sosial. Peningkatan ini juga dibantu oleh kerajaan seperti dalam Rancangan Malaysia ke-6, fokus utama kerajaan ialah untuk membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan taraf pendidikan anak-anak mereka dan ini termasuklah kanak-kanak wanita

[Gurusamy, 1977:27]. Di antara tahun 1970 hingga 1990 terdapat peningkatan bilangan pelajar wanita di peringkat universiti iaitu sebanyak 15.2% tetapi peningkatan ini masih lagi merupakan satu jumlah yang kecil. Namun di peringkat universiti terdapat perubahan di mana terdapat peningkatan penyertaan pelajar wanita dalam aliran sains iaitu sebanyak 20.2% berbanding aliran sastera sebanyak 17.6%.

Jadual 1.3

**Peratusan Bilangan Pelajar Wanita Mengikut  
Peringkat dan Aliran Pendidikan, 1970-1990  
Bagi Semenanjung Malaysia**

Peringkat Pendidikan	1970	1980	1990
Rendah	46.8	48.6	48.6
Menengah	40.6	47.6	50.5
Menengah Atas	42.6	45.5	59.3
Universiti	29.1	35.5	44.3
<b>Kolej</b>			
Politeknik	13.2	21.5	25.2
Inst. Lat. Perguruan	41.9	48.3	56.1
Inst. Teknologi Mara	32.4	42.9	45.8
<b>Aliran</b>			
Sastera	47.2	61	64.8
Sains	24.5	36.3	44.7
Vokasional	24.2	30.4	22
Teknik	4.3	27.1	35.9

Sumber: Rancangan Malaysia Ke-6, 1991:469

Berdasarkan Jadual 1.3, dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi tingkat pendidikan semakin kecil jumlah pelajar wanita, terutama di peringkat universiti. Penyertaan pelajar wanita dalam pendidikan berbentuk teknikal dan vokasional pula masih kekurangan. Jika terdapat pelajar wanita dalam bidang teknikal dan vokasional, mereka lebih tertumpu kepada bidang-bidang yang berbentuk perkhidmatan seperti perhotelan, personelek, jahit-menjahit dan lain-lain [Jamilah Ariffin, 1992:62]. Kebanyakan pelajar wanita menceburui bidang perguruan selepas tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Penglibatan wanita dalam profesion perguruan selepas tamat tingkatan lima jelas dinyatakan dari bilangan guru wanita sekolah rendah di Malaysia. Pada tahun 1989, dari jumlah keseluruhan guru sekolah rendah di Malaysia, bilangan guru wanita didapati 55.9%, 56.8% pada tahun 1990 dan 57.1% pada tahun 1991 [Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991:92]. Di peringkat universiti juga, pelajar wanita didapati lebih cenderung memilih aliran sastera yang juga merupakan saluran utama kerjaya perguruan. Misalnya, pada tahun 1990, pelajar wanita membentuk 54.9% daripada jumlah pelajar dalam aliran sastera dan kemanusiaan di universiti-universiti di Malaysia. Manakala pada tahun 1991, dari jumlah keseluruhan pelajar aliran sastera dan kemanusiaan di semua universiti di Malaysia, 55.8% terdiri

daripada pelajar wanita [Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991:116]. Pemilihan kerjaya perguruan dikaitkan dengan nilai sosial yang melihat tumpuan hidup utama bagi seorang wanita ialah sebagai pengurus rumahtangga. Jenis kerjaya yang dipilih, iaitu perguruan memenuhi nilai ini. Sebagai guru, wanita tetap bekerja sebagai "social-worker" bagi menjaga masyarakat luasnya seperti tugas tradisi wanita menjaga kebajikan dan kepentingan keluarga sendiri [Manderson, 1983:235]. Dalam memilih kerjaya, seseorang wanita akan memastikan kerjaya yang dipilihnya tidak akan mengganggu rumahtangga, seperti diperjelaskan oleh Khalidah Adibah,

However highly educated a woman is, she cannot be called a woman if she does not know how to manage a happy home, for a woman's glory is her home.

[1957:15]

Kerjaya yang dianggap sesuai bagi wanita ialah menjadi guru kerana dapat mengimbangi masa dan tenaga untuk memastikan kebahagiaan rumahtangga. Pendidikan telah menyedarkan wanita yang kedudukan dan peranan mereka bukan hanya seperti yang ditetapkan oleh nilai-nilai tradisi tetapi juga sebagai seorang pekerja yang menerima upah. Gambaran wanita sebagai ibu, isteri dan pengurus rumahtangga telah mula digabungkan dengan peranan mereka

sebagai pekerja. Fenomena ini merupakan sesuatu yang baru yang muncul bersama-sama dengan perkembangan pendidikan. Melalui pendidikan, seseorang wanita memperolehi keyakinan diri dan tidak perlu lagi bergantung kepada lelaki mengikut struktur tradisi. Seorang wanita Melayu kini dapat dilihat sebagai salah seorang anggota masyarakat yang memberikan sumbangsan penting, mempunyai peranan dan disedari kehadirannya. Mengikut Betty Friedan [1963], tidak memadai bagi seseorang individu hanya untuk disayangi dan diterima oleh masyarakat. Kehadiran seorang individu perlu mempunyai peranan dan makna dalam masyarakat. Jika tidak, kehadirannya tidak membawa maksud dan hilang fungsi sebagai salah seorang daripada anggota masyarakat.

Selaras dengan penglibatan wanita dalam pendidikan, peluang-peluang pekerjaan dalam bidang perindustrian juga telah mengubah peranan tradisi wanita. Namun bidang-bidang pekerjaan ini masih lagi dikategorikan mengikut jantina. Bidang kejururawatan, perguruan dan pekerja sosial dilihat sebagai pekerjaan wanita manakala bidang sains, kejuruteraan dan pengurusan perniagaan sebagai pekerjaan lelaki [Fogarty and Rapoport, 1971:214].

Dalam Laporan Rancangan Malaysia Keenam [1990], didapati wanita lebih banyak menceburkan diri dalam pekerjaan kurang mahir dan berdasarkan tenaga manusia

seperti dalam sektor pertanian dan pekerjaan bergaji rendah di dalam sektor industri (Jadual 1.4:15). Dalam tahun 1990, terdapat 28.1% wanita yang terlibat dalam kerja-kerja pertanian, 14.1% dalam kerja-kerja perkeranian dan yang berkaitan dan 14.1% dalam sektor perkhidmatan. Pada tahun yang sama terdapat 9.4% wanita yang terlibat dalam pekerjaan profesional dan teknikal iaitu merupakan peningkatan sebanyak 4.8% berbanding tahun 1970. Walaupun 9.4% wanita berkhidmat dalam pekerjaan profesional dan teknikal, namun sebahagian daripada jumlah ini hanya berkhidmat sebagai guru dan jururawat peringkat tinggi

Jadual 1.4

**Pengagihan Gunatenaga  
Mengikut Pekerjaan dan Jantina, 1970-1990**

Kategori Pekerjaan	1970		1980		1985		1990	
	L	P	L	P	L	P	L	P
Pekerjaan Profesional Teknikal dan berkaitan	4.6	5.3	6.4	8.5	6.8	9.1	6.4	9.4
Pekerjaan Pentadbiran dan Pengurusan	1.0	0.1	1.4	0.3	3.2	0.6	2.8	0.6
Pekerjaan Perkeranian dan berkaitan	5.4	4.1	6.8	11.3	7.4	14.2	7.0	14.1
Jurujual dan berkaitan	9.8	4.9	10.3	7.2	11.1	11.0	11.4	11.4
Pekerjaan Perkhidmatan	8.1	8.4	9.0	9.0	10.1	13.7	9.9	14.1
Pekerjaan Pertanian	47.6	66.8	35.9	46.3	28.7	33.7	29.4	28.1
Pekerjaan Pengeluaran dan berkaitan	23.5	10.4	30.2	17.6	32.7	17.7	33.1	22.3

Sumber: Rancangan Malaysia Keenam, 1990:464

Perlibatan wanita dalam bidang profesional yang benar-benar berbentuk teknikal dan bidang sains amat kurang. Bidang ini masih lagi didominasi oleh kaum lelaki seperti tercatit di Jadual 1.5.

Jadual 1.5

**Peratus Ahli Sains dan Teknologi  
Wanita Dalam Sektor Awam**

Kumpulan	1980		1985		1990		1992	
	P	L	P	L	P	L	P	L
A	18%	82%	21%	79%	26%	74%	29%	71%
B	33%	67%	31%	69%	34%	66%	33%	67%
C	35%	65%	34%	66%	43%	57%	47%	53%

A - Ahli kimia, fizik, arkitek, jurutera

B - Juruterbang dan jurukapal

C - Ahli kaji hayat, doktor, doktor gigi, doktor veterinar, pegawai perangkaan, ahli matematik

Sumber: Arbaeyah Yahya, Wanita Dalam Sains dan Teknologi, 1994:7

Millerson, mentakrifkan kerjaya profesional sebagai:

"... specialised skill and service, an intellectual and practical training, a high degree of professional autonomy and responsibility for the profession. As a whole, an embargo on some methods of attracting business and an

occupational organisation  
testing competence,  
regulating standards and  
maintaining discipline."

[1972:5]

Berdasarkan takrif di atas, pekerjaan profesional merujuk kepada jenis pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang khusus, daya intelektual yang tinggi, latihan intensif, tanggungjawab yang besar, mempunyai organisasi pekerjaan serta perlu memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Penglibatan wanita dalam bidang profesional dan teknikal yang rendah mempunyai kaitan dengan kecenderungan wanita memilih pendidikan aliran bukan teknikal di peringkat universiti seperti yang diperjelaskan di peringkat awal tadi. Oleh itu wanita tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk memasuki kerjaya yang berbentuk profesional dan teknikal.

Menurut Fogarty and Rapoport [1971], antara faktor penolak yang menghalang wanita menceburi bidang profesional ialah tempoh latihan atau kursus yang terlalu panjang. Faktor masa ini menyebabkan wanita yang menceburi bidang ini berkahwin pada usia yang lewat. Fenomena berkahwin lambat kurang disukai masyarakat Melayu kerana stigma "anak dara tua" adalah sesuatu yang digeruni oleh

ibu bapa dan anak-anak gadis. Bidang profesional juga mempunyai beban kerja dan tanggungjawab yang terlampau besar dan ini menyukarkan wanita untuk menggabungkan tugas kerjaya dengan tanggungjawab rumah tangga.

Pertambahan wanita dalam pendidikan hanya menjamin kemasukan wanita dalam kerjaya biasa seperti dalam bidang perkhidmatan, perkeranian dan perguruan dan bukan dalam kerjaya yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Kajian Jean Lee dan Tan Hwee Hoon tentang pengurus wanita di Singapura [1993] merumuskan wanita tidak sesuai memegang jawatan tinggi kerana faktor-faktor biologikal dan mental, iaitu seorang pengurus wanita digambarkan sebagai seorang yang feminine,<sup>1</sup> lembut dan tidak lantang bersuara. Semua sifat kewanitaan ini dilihat sebagai faktor penghalang bagi wanita menjadi pengurus yang baik. Seorang pengurus wanita yang cekap perlu memiliki sifat-sifat "masculine" yang dikaitkan dengan daya keyakinan diri yang tinggi, komitmen yang tinggi terhadap kerja dan lebih bertenaga dalam menjalankan tugas [ Jean dan Tan Hwee Hoon, 1993:532]. Gejala yang sedemikian telah menyebabkan berlakunya satu corak pemilihan kerjaya yang mempunyai hubungkait antara gender dan budaya. Ini seterusnya mewujudkan satu corak orientasi kerjaya yang berbeza antara lelaki dan wanita

---

1

1. Menurut Kamus Dwibahasa, DBP, 1993:472, feminine merujuk kepada sifat-sifat keperempuanan.

lalu wujudlah pengkategorian kerjaya lelaki dan wanita.

Proses sosialisasi yang dilalui oleh seorang kanak-kanak memainkan peranan penting dalam menentukan corak pekerjaan yang dipilih. Sejak dari bayi hingga zaman kanak-kanak dan seterusnya remaja, seseorang individu itu mempelajari peranan yang dijangkakan oleh masyarakat. Dalam masyarakat Melayu, kanak-kanak perempuan dijangkakan membesar dan berperanan sebagai seorang wanita sejati. Sejak kecil mereka dilatih menjadi pengurus rumahtangga yang cekap, belajar memasak dan menjaga adik-adik yang masih kecil [Strange, 1981:65]. Kehidupan mereka dipenuhi dengan gambaran kelembutan, kehalusan dan sifat pergantungan kepada lelaki.

Menurut Strange lagi, dalam masyarakat Melayu, kanak-kanak perempuan jarang mempunyai masa lapang yang banyak untuk bermain kerana kesibukan menangani tanggungjawab domestik. Jika bermain sekalipun mereka sering bermain dalam lingkungan rumah terutama bagi kanak-kanak perempuan yang telah akil baligh [1981:65]. Hal ini berbeza dengan kanak-kanak lelaki Melayu yang lebih bebas untuk bermain jauh dari kawasan rumah dan mempunyai lebih banyak masa untuk bermain kerana tidak begitu diharapkan untuk menolong melakukan kerja-kerja domestik. Keadaan ini seterusnya dapat mengukuhkan lagi

pembahagian peranan berdasarkan jantina yang mana peranan seorang wanita terus kukuh dalam bidang domestik.

Selain proses sosialisasi yang tidak formal, peranan sosialisasi formal, iaitu sekolah sebagai agen pendidikan yang utama juga memainkan peranan penting dalam pembentukan sikap seseorang individu. Melalui buku-buku teks awal yang diperkenalkan di sekolah-sekolah dapat dikesan stereotype gender tentang peranan lelaki-wanita. Dalam salah satu buku teks Bahasa Malaysia tahun tiga (sekolah rendah) keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka [1994], terdapat sebuah karangan yang bertajuk "Ibu Bapa yang Bertanggungjawab". Tajuk ini menggambarkan watak bapa iaitu Encik Rosli sebagai seorang suami yang bertanggungjawab dan bertugas sebagai seorang anggota polis. Manakala watak Puan Rosnah iaitu isteri Encik Rosli digambarkan sebagai seorang suri rumah yang bertanggungjawab kepada keluarga, seorang ibu yang penyayang dan isteri yang taat. Dalam buku yang sama di halaman dua puluh dua, terdapat satu ilustrasi yang menggambarkan watak doktor sebagai seorang lelaki dan watak jururawat sebagai seorang wanita.

Secara tidak langsung pandangan sebegini telah menyediakan satu kerangka asas dalam pemilihan kerjaya seseorang individu itu. Fakta ini diperkuuhkan pula

dengan sistem kurikulum di sekolah-sekolah yang memberi penekanan kepada asas kemahiran hidup yang berbeza, iaitu kemahiran memasak dan menjahit kepada pelajar wanita, bertukang dan kerja-kerja mekanikal kepada pelajar lelaki. Faktor-faktor ini membantu membentuk peranan yang dijangkakan oleh masyarakat terhadap anggotanya.

Pada tahun 1988, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan sistem pendidikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang bertujuan untuk memberi pendidikan yang seimbang dan membina keyakinan diri pelajar [Pendidikan di Malaysia, 1994:120]. Antara matlamat KBSM ialah menawarkan pelbagai peluang kemahiran (multiplicity of options) yang meliputi kemahiran vokasional, keselamatan diri, pemikiran dan kepakaran [Seminar KBSM, 1985:26-32]. Melalui program Kemahiran Hidup (salah satu mata pelajaran yang ditawarkan di bawah KBSM), pelbagai bentuk kemahiran hidup ditawarkan kepada pelajar-pelajar. Program ini membawa satu perubahan dari tradisi pendidikan yang lalu. Bentuk-bentuk kemahiran hidup yang ditawarkan tidak dikategorikan berdasarkan jantina tetapi lebih bersifat bebas. Silibus yang ditawarkan pada pelajar-pelajar Tingkatan Satu adalah seperti berikut:

1. Organisasi Makmal, Keselamatan dan Kebersihan
2. Kerja Kayu dan Logam
3. Kerja Paip Asas
4. Elektrik dan Elektronik

5. Pengurusan Diri (mengurus makanan)
6. Perkebunan
7. Pengenalan Alam Perniagaan
8. Asas Keusahawanan
9. Asas Perniagaan
10. Menyimpan Rekod
11. Kepenggunaan
12. Peningkatan Kendiri
13. Kesejahteraan Keluarga

[Kementerian Pendidikan Malaysia:1993]

Di bawah program Kemahiran Hidup ini, seorang pelajar lelaki dikehendaki mengikuti kelas masakan dan jahitan manakala seorang pelajar wanita dikehendaki mengikuti kelas bertukang dan mekanikal. Perubahan ini memberi perspektif baru kepada pelajar dan menjelaskan bahawa tidak wujud perbezaan peranan antara lelaki atau wanita. Perubahan kurikulum pendidikan melalui KBSM adalah proses sosialisasi penting dalam mengubah stereotype peranan yang ditanamkan dalam jiwa seseorang individu.

Ini dapat dikesan dalam hasil kajian di mana, 95.7% daripada suami responden tidak keberatan menolong isteri melakukan kerja-kerja domestik dan menjaga anak.

Selain faktor sosialisasi, sistem ekonomi kapitalisme juga adalah satu angkubah dalam mewujudkan orientasi kerjaya lelaki dan wanita. Sistem kapitalisme telah membawa kepada pengenalan konsep upah keluarga (family wage) yang hanya ketua keluarga, iaitu lelaki yang bekerja untuk menyara keluarganya menyebabkan wanita

disekat daripada memasuki pasaran buruh [Geschwender, 1992:2]. Jika seorang wanita bekerja, upah yang diperolehinya lebih rendah kerana anggapan bahawa seorang wanita tidak dikehendaki untuk menyara keluarganya.

Strategi kapitalisme untuk menguasai dan mengeksplotasi pasaran buruh ini telah membawa kepada pengukuhan pekerjaan lelaki dan wanita. Wanita hanya memasuki pasaran buruh apabila dikehendaki, khususnya dalam pekerjaan perkhidmatan, perguruan dan kejururawatan.

Kajian Ralph Pettman tentang pola pekerjaan dan kaitannya dengan jantina di Singapura dan selatan Korea menjelaskan,

Women are used in that market but as a pool of relatively inexpensive, often (but not always) unorganised, willing and flexible workers who get pulled into the wage sector of the economy in time of war, or whenever else there is a labor shortage, and put back on domestic duties when paying jobs become scarce again.

[Pettman, 1992:49]

Berdasarkan pendapat di atas, dapat dirumuskan bahawa wanita hanya diperlukan sebagai pekerja simpanan apabila berlaku kekurangan tenaga buruh. Mereka digambarkan sebagai buruh murahan, tidak teratur dan mudah masuk-keluar dari pasaran.

Kalsom Taib [1979] menegaskan kebanyakan lelaki berpendapat wanita tidak seharusnya bertindak agresif tetapi mempunyai sifat pergantungan terhadap lelaki dan hanya memegang peranan sebagai pembantu kepada lelaki. Pembahagian yang sebegini menyebabkan lelaki menganggap wanita tidak layak memegang jawatan yang tinggi atau menceburi kerjaya yang mencabar.

Perbincangan di atas cuba memberi satu rentetan perubahan peranan wanita dari peranan tradisi, iaitu peranan domestik kepada peranan moden dalam bidang guna tenaga. Kajian ini memilih tiga jenis pekerjaan profesional, iaitu arkitek, jurutera dan pengaturcara program komputer yang merupakan bidang-bidang penghususan dan penguasaan golongan lelaki. Wanita dalam ketiga-tiga bidang profesional ini dipilih kerana dijangkakan mereka mungkin mengalami perubahan nilai dan sikap kerana terdedah kepada perubahan.

Pengkaji akan melihat faktor-faktor yang dapat membantu seorang wanita mengimbangi kerjayanya sebagai wanita profesional dengan tugas-tugasnya di rumah. Seorang isteri yang berkerjaya boleh memastikan tanggungjawab rumahtangga dan kerjaya terus seimbang dengan mendapat bantuan dari suami, anak-anak, pembantu rumah, membeli makanan yang siap dimasak atau cuba membuat kerja rumah dalam masa yang terhad [Wilson, 1981:54].

Dalam masyarakat Melayu, kerjaya utama seseorang wanita ialah sebagai seorang ibu dan pengurus rumahtangga mestilah disesuaikan dan diimbangi dengan kerjayanya sebagai pekerja profesional. Kalsom Taib [1979] menjelaskan wanita yang mahu menceburi bidang profesional perlu terlebih dahulu melepassi rintangan diri. Mereka mesti membina benteng keyakinan yang tidak dapat dijangkau oleh lelaki. Seseorang wanita profesional juga mesti lebih serius dalam kerjayanya, tidak mengikut emosi dan yang paling penting arif mengimbangi masa antara kerjaya dan rumahtangga.

Menurut Baruch dan Barnett [1986], wanita yang berkerjaya sering menghadapi dilema untuk memenuhi tanggungjawab tradisi di rumah. Apabila berlaku masalah dalam rumahtangga, selalunya yang dipersalahkan ialah wanita kerana beliau gagal mengimbangi peranan di rumah

dengan kerjayanya. Lelaki jarang sekali dipersalahkan. Senario yang sama wujud dalam masyarakat Melayu yang masih dipengaruhi nilai-nilai tradisi iaitu bapa hanya bertanggungjawab sebagai pencari nafkah.

Dalam masyarakat Melayu moden, suami bukan hanya bertindak sebagai ketua keluarga dalam mencari nafkah tetapi juga memainkan peranan yang lebih bermakna sebagai seorang suami dan bapa yang bertanggungjawab terhadap rumah tangga. Kesannya struktur keluarga dan peranan ahli-ahlinya mengalami perubahan. Suami dan isteri bertanggungjawab terhadap keluarga. Selain bantuan dari suami, bantuan-bantuan luar seperti ibu, ibu mertua dan orang gaji adalah penting bagi memastikan kelancaran pengurusan rumah tangga.

Dalam bahagian kedua, kajian akan menumpukan peranan wanita dalam kerjaya profesional. Pengkaji akan menganalisis sebab-sebab pemilihan kerjaya dan masalah-masalah yang dihadapi dalam kerjaya yang dianggap dominasi lelaki. Masalah-masalah ini merangkumi aspek hubungan mereka dengan pekerja bawahan terutama lelaki, status dan kenaikan pangkat, hubungan mereka dengan majikan dan persepsi wanita terhadap kerjaya mereka.

Hasil dari kajian ini diharapkan dapat membuktikan yang wanita sebenarnya mampu untuk berjaya dalam bidang profesional. Tanggapan yang sifat kewanitaan seorang wanita sebagai penghalang kepada penglibatan wanita dalam kerjaya profesional adalah tidak benar. Sebaliknya dari kajian ini akan membuktikan yang kejayaan sebagai wanita profesional tidak mempunyai kaitan dengan faktor jantina. Malahan kejayaan atau kegagalan dalam kerjaya profesional itu dianggap berpunca dari sikap dan komitmen individu dan bukannya kerana faktor jantina.

Kajian ini perlu juga dilakukan kerana pengkaji ingin membuktikan yang walaupun wanita Melayu memperolehi pendidikan tinggi dan menjawat jawatan tinggi namun tanggungjawab rumahtangga tetap menjadi keutamaan. Pengkaji juga ingin menyangkal pendapat yang sering menyalahkan kegagalan rumahtangga kesan dari kegagalan wanita mengimbangi peranan sebagai pekerja dan pengurus rumahtangga. Kejayaan atau kegagalan dalam rumahtangga bukan hanya semata-mata terletak di bahu seorang wanita tetapi peranan suami sebagai ketua dan sebahagian dari ahli keluarga juga sama pentingnya. Suami perlu memberikan sokongan fizikal dan moral untuk sama-sama memastikan kebahagiaan sebuah keluarga. Perubahan sikap dan nilai suami terhadap peranan dan tanggungjawabnya hanya sebagai pencari nafkah perlu berubah. Suami perlu sama-sama

membantu isteri menjalankan tugas domestik dan membenarkan peranan domestik utama isteri diambil alih oleh bantuan-bantuan luar. Hanya dengan perubahan sikap suami dapat membantu isteri mengimbangi kedua-dua peranan yang dimainkannya.

### 1.2 Hipotesis Kajian

Perkembangan pendidikan dan pesatnya proses modenisasi jelas telah mengubah peranan tradisi seorang wanita. Namun menurut Shamsulbahriah Ku Ahmad [1989], pekerjaan lelaki dan wanita masih lagi dipengaruhi oleh ideologi gender. Ini disokong oleh Jamilah Ariffin [1992] yang menyebut wanita masih lagi menguasai pekerjaan yang dikategorikan sebagai "feminine" seperti kejururawatan, perguruan dan perkhidmatan. Manakala pekerjaan yang berprestij tinggi seperti dalam pentadbiran dan pengurusan, pekerjaan profesional dan teknikal masih lagi dikuasai oleh lelaki. Peratusan wanita dalam kerjaya berprestij tinggi ini masih berkurangan seperti wanita dalam kerjaya jurutera, arkitek dan pengaturcara program komputer.

Maka tumpuan pertama kajian ini ialah untuk melihat keberkesanan wanita dalam kedua-dua bidang, iaitu rumahtangga dan kerjaya. Penumpuan kajian ialah terhadap wanita profesional dalam ketiga-tiga bidang iaitu jurutera,

arkitek dan pengaturcara program komputer yang sudah berkahwin dan mempunyai keluarga. Dalam usaha untuk melihat wanita dalam kerjaya yang dikuasai oleh lelaki, pengkaji telah membuat beberapa hipotesis iaitu:

1. Kejayaan wanita di tempat kerja bergantung kepada sokongan pegawai atasan (mentor), penerimaan rakan sekerja, orang bawahan dan keyakinan diri yang tinggi.
2. Kejayaan wanita di rumah bergantung kepada masa bekerja, fleksibiliti jadual kerja, beban kerja yang dipikul, penerimaan dan bantuan suami, bantuan-bantuan luar yang diperolehi serta sokongan dari keluarga luas.
3. Kejayaan wanita di tempat kerja dan di rumah pula bergantung kepada sokongan fizikal dan emosi yang diperolehi daripada suami. Bagi menentukan kejayaan di rumah, penerimaan dan pemahaman daripada suami itu penting dan ini seterusnya akan mempengaruhi kejayaan seorang wanita di tempat kerja.

Kajian ini bertujuan untuk membuktikan bahawa penglibatan wanita dalam bidang kerjaya profesional

tidak menghalang wanita untuk menjalankan peranan tradisinya sebagai isteri dan ibu.

### 1.3. Ulasan Kajian-Kajian Lepas

Kajian tentang wanita dalam bidang profesional telah banyak dilakukan. O'Brien [1983] menjelaskan wanita memang berminat melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Apabila melanjutkan pendidikan ke peringkat universiti, mereka lebih berminat mengikuti kursus-kursus pendidikan, kemanusiaan dan kemasyarakatan berbanding dengan bidang sains dan teknologi. Ini menyebabkan wanita kurang mempunyai kelayakan akademik untuk memasuki bidang-bidang profesional. Terdapat juga golongan wanita yang menganggap pekerjaan di luar kerangka tradisi sebagai pekerjaan yang "unfeminine". Akibat proses sosialisasi yang bersifat "gender-centric", wanita beranggapan bahawa mereka kurang berupaya membuat keputusan yang rasional dan tidak dapat memberikan dedikasi sepenuhnya terhadap pekerjaan-pekerjaan yang bersifat profesional.

Jamilah Ariffin [1992] menegaskan walaupun wanita mula memasuki bidang profesional, kebanyakan mereka tertumpu dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Penyertaan wanita dalam bidang ekonomi tidak banyak berubah. Pola pemilihan pekerjaan masih berbentuk

"feminine" walaupun dalam bidang yang dianggap profesional.

Di Malaysia, kajian tentang wanita dan pekerjaan juga telah dilakukan oleh Wazir Jahan Karim [1988]. Beliau beranggapan kebanyakan wanita memilih profesi yang sesuai dengan peranan dan fungsi seorang wanita seperti guru, jururawat, setiausaha dan lain-lain. Menurutnya, golongan lelaki sering menggunakan isu ini sebagai satu petunjuk bahawa kaum wanita suka memilih pekerjaan yang mudah dan ringan dan tidak memerlukan kemahiran teknikal serta mental yang luarbiasa.

Menurut Shamsulbahriah Ku Ahmad [1994], wanita didapati kurang berminat untuk menceburi kerjaya-kerjaya yang berbentuk teknikal dan berkemahiran tinggi seperti bidang kejuruteraan kerana kursus kejuruteraan dianggap sebagai satu kursus yang sukar dan berbentuk "masculine" dan oleh kerana itu lebih sesuai diikuti oleh lelaki. Pemilihan kursus-kursus pendidikan pada peringkat awal lagi yang mengenepikan kursus-kursus yang dianggap "masculine", kerana kesukaran kursus tersebut menyebabkan wanita terpinggir dari memasuki kerjaya-kerjaya tersebut.

Jean Lee dan Tan Hwee Hoon [1993] menunjukkan wanita yang berkahwin memerlukan sokongan suami untuk mengurangkan beban kerja di rumah atau di pejabat.

Bantuan-bantuan luar seperti bantuan ibu, ibu mertua dan orang gaji dianggap penting untuk mengurangkan dilema kerja di rumah. Bantuan-bantuan luar ini seterusnya berperanan penting dalam mengimbangi kedua-dua peranan wanita iaitu sebagai pengurus rumah tangga dan wanita yang berkerjaya.

Terdapat kajian yang telah dibuat di peringkat ijazah pertama yang dilakukan oleh Chew Chuan Juak. Tesis beliau yang bertajuk Peranan dan Sikap Wanita Dalam Bidang Pekerjaan Profesional: Satu Kajian Exploratory di Kuala Lumpur melihat penglibatan wanita profesional dalam 11 jenis pekerjaan profesional. Kajian ini melihat peranan dan sikap wanita terhadap kerjaya yang diceburi dan apakah faktor-faktor penggalak dan faktor penghalang wanita dalam memasuki bidang profesional.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji diharapkan dapat menambah bahan bacaan tentang penglibatan wanita Melayu dalam bidang profesional khususnya dan bagaimana wanita profesional ini menjalankan kedua-dua peranannya sebagai pekerja dan pengurus rumah tangga. Kajian juga diharapkan dapat memperlihatkan perubahan aliran penglibatan wanita dalam bidang-bidang yang dianggap dominasi lelaki iaitu jurutera, arkitek dan pengaturcara program komputer. Perkembangan pendidikan dan perubahan zaman terutama selepas kemerdekaan telah memperlihatkan

peningkatan penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan yang dianggap dominasi lelaki dan tidak lagi tertumpu dalam bidang pekerjaan yang dianggap bersifat kewanitaan. Kajian juga diharapkan dapat membuktikan yang faktor jantina tidak mempengaruhi kejayaan peranan wanita dalam ketiga-tiga bidang yang dipilih. Kenyataan yang wanita didiskriminasi atau mendapat tekanan daripada pekerja lelaki adalah tidak benar. Sebaliknya yang penting ialah keyakinan diri dan kebolehan individu dalam menjalankan tugas. Pada masa yang sama, kajian juga membuktikan yang walaupun wanita Melayu didedahkan dengan pendidikan tinggi, namun nilai-nilai tradisi dan agama masih lagi dominan. Wanita Melayu walaupun terlibat dalam bidang profesional masih lagi terikat dengan nilai-nilai tradisi di mana majoriti daripada wanita yang dikaji masih lagi meletakkan rumahtangga di tangga yang teratas.

#### **1.4. Kaedah Penyelidikan**

Penyelidikan merupakan satu kajian kes terhadap wanita Melayu dalam tiga jenis pekerjaan profesional iaitu arkitek, jurutera dan pengaturcara program komputer. Pemilihan tiga jenis kerjaya ini kerana bilangan wanita dalam ketiga-tiga kerjaya ini masih berkurangan. Mengikut Daftar Lembaga Jurutera Malaysia sehingga 31 Januari 1993, bilangan jurutera wanita Melayu di Malaysia yang berdaftar

seramai 1,284 berbanding dengan jurutera lelaki Melayu seramai 16,452. Manakala mengikut Daftar Lembaga Arkitek Malaysia sehingga 31 Disember 1993, bilangan arkitek wanita Melayu yang berdaftar di Malaysia ialah seramai 52 orang berbanding dengan arkitek lelaki Melayu seramai 252 orang. Selain daripada jumlah wanita yang masih rendah dalam bidang kejuruteraan dan arkitek, kerjaya ini juga dipilih kerana melihatkan beban kerja yang berat dan desakan kerja yang memerlukan wanita sering melakukan kerja luar. Ini bermakna mereka terpaksa meninggalkan rumah dan keluarga. Seperti yang diperjelaskan oleh Khalidah Adibah [1957], seorang wanita dalam memilih kerjaya akan memastikan kerjaya yang dipilihnya tidak akan mengganggu rumahtangga. Maka dengan kehendak kerjaya yang memerlukan wanita sering melakukan kerja luar akan menyebabkan mereka berasa tertekan kerana terpaksa meninggalkan keluarga. Maka kedua-dua kerjaya ini dipilih kerana cabaran hebat yang terpaksa ditangani wanita dalam mengimbangi rumahtangga dan kerjaya.

Pemilihan kerjaya pengaturcara program komputer disebabkan bidang yang dipilih benar-benar berbentuk teknikal yang merupakan bidang yang jarang diceburi oleh wanita. Pekerjaan sebagai seorang pengaturcara program komputer memerlukan penggunaan atau kontak berterusan seorang individu dengan komputer. Tabii kerja itu sendiri memerlukan penguasaan selok belok penggunaan mesin atau

teknologi yang tinggi. Seperti yang telah disebut sebelum ini, penyertaan wanita dalam pendidikan berbentuk teknikal masih berkurangan [Jamilah Ariffin, 1992:62]. Oleh kerana itu, kesannya penglibatan wanita dalam bidang yang memerlukan kemahiran penggunaan teknologi yang tinggi adalah rendah. Maka atas alasan ini, kerjaya pengaturcara program komputer telah dipilih. Pengkaji ingin melihat bagaimana segelintir wanita yang berjaya memasuki dunia pekerjaan lelaki ini mengimbangi kedua-dua kerjaya dan rumahtangga. Kriteria penting yang dipilih ialah wanita yang terlibat sudah berkahwin dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang masih dalam lingkungan bayi hingga ke umur persekolahan. Pemilihan kriteria ini penting kerana dalam peringkat umur ini anak memerlukan perhatian seorang ibu.

Kajian ini dilakukan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Pemilihan responden dalam ketiga-tiga jenis kerjaya ini berpandukan alamat tempat kerja yang diperolehi dari Lembaga Arkitek Malaysia dan Lembaga Jurutera Malaysia. Responden yang terpilih pula merangkumi sektor kerajaan dan swasta.

Jumlah responden yang dipilih sebagai sampel dalam kajian ini ialah seramai 70 orang. Pemilihan kesemua sampel iaitu seramai 70 orang dibuat berdasarkan

persampelan berbentuk sampel bukan probabiliti<sup>2</sup>. Pengkaji telah memilih responden-responden berdasarkan dua daftar lembaga iaitu Daftar lembaga Arkitek dan Daftar Lembaga Jurutera. Manakala bagi memilih responden-responden bagi kategori pengaturcara program komputer, dua buah institusi kewangan telah dipilih. Hanya responden-responden yang telah berkahwin serta mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak dipilih. Responden-responden yang terlibat adalah mereka yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur sahaja. Bagi memenuhi jumlah responden yang dikehendaki pengkaji telah menggunakan kaedah "snow-ball"<sup>3</sup>. Dalam menjalankan kajian, pengkaji telah menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu soal selidik dan temubual. Dalam menemubual responden, soalan-soalan yang diutarakan adalah berpandukan soal selidik.

Bagi pemilihan responden arkitek, pengkaji telah berpandukan kepada Daftar Lembaga Arkitek sehingga 31/1/93. Dalam daftar tersebut, jumlah arkitek wanita Melayu yang didaftarkan di sekitar Kuala Lumpur ialah seramai 26 orang. Namun ini tidak bermakna yang hanya terdapat 26 orang sahaja arkitek wanita Melayu di Kuala

---

<sup>2</sup>Probabiliti seseorang responden yang terpilih sebagai sampel tidak diketahui.Untuk keterangan lanjut rujuk Kenneth D. Bailey (terjemahan) hashim Awang, Kaedah Penyelidikan Sosial, 1984:133

<sup>3</sup>Dalam peringkat pertama beberapa orang yang mempunyai ciri-ciri penting dicari dan ditemubual. Mereka digunakan sebagai penyampai maklumat untuk orang-orang yang layak dijadikan sampel. Dalam peringkat kedua dan seterusnya, prosedur yang sama akan berulang. Untuk keterangan lanjut rujuk Kenneth D. Bailey (terjemahan) Hashim Awang, Kaedah Penyelidikan Sosial, 1984:148

Lumpur. Jumlah ini adalah hanya berdasarkan jumlah arkitek yang mendaftarkan diri. Dari jumlah dua puluh enam orang ini, pengkaji hanya mengambil seramai 24 orang responden. Pemilihan jumlah 24 orang responden ini berikutan masalah terdapat responden yang berpindah tempat kerja, ke luar negara atau cuti bersalin. Bagi menggantikan jumlah responden yang tidak dapat dihubungi ini, pengkaji telah menggunakan kaedah "snow-ball". Perlu ditegaskan di sini, populasi yang dipilih adalah terdiri daripada wanita yang telah berkahwin dan mempunyai anak.

Bagi pemilihan responden jurutera pula pengkaji berpandukan Daftar Lembaga Jurutera Malaysia sehingga 31/1/93. Berdasarkan daftar ini hanya terdapat seramai 71 orang jurutera wanita yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia di sekitar Kuala Lumpur. Berdasarkan jumlah ini pengkaji telah memilih seramai 35 orang responden sebagai sampel. Masalah yang sama dihadapi apabila terdapat responden yang telah berpindah tempat kerja, cuti bersalin atau enggan memberikan kerjasama.

Jumlah pengaturcara program komputer yang dipilih sebagai responden pula ialah seramai 11 orang kerana terdapat kesukaran untuk mendapatkan responden. Berbeza dengan pemilihan arkitek dan jurutera yang berdasarkan daftar lembaga tetapi bagi kategori pengaturcara program

komputer tidak terdapat sebarang daftar lembaga yang boleh dirujuk. Dalam hal ini, pengkaji telah memilih responden daripada dua buah institusi kewangan yang berbeza. Pengkaji telah memilih 20% daripada jumlah sebenar pengaturcara program komputer daripada dua buah institusi kewangan iaitu seramai 59 orang. Maka jumlah responden yang dipilih ialah seramai 11 orang. Jumlah ini yang dipilih sebagai sampel kerana pengkaji tidak mendapat kerjasama daripada responden ekoran terdapat responden yang berkursus atapun bercuti bersalin. Perlu ditegaskan lagi yang sampel yang dipilih terdiri daripada mereka yang telah berkahwin dan mempunyai anak.

Maka secara keseluruhan, jumlah responden yang terpilih bagi ketiga-tiga kategori ialah seramai 70 orang.  
(Lihat Jadual 1.6)

**Jadual 1.6**

**Jumlah Responden Mengikut Tiga Jenis Pekerjaan**

Jenis Pekerjaan	Jumlah	Peratus
Arkitek	24	34.3
Jurutera	35	50.0
Pengaturcara Program Komputer	11	15.7
Jumlah	70	100

Kajian lapangan telah dilakukan pada 25/4/94 hingga 27/6/94 selama dua bulan. Sepanjang tempoh ini pengkaji telah pergi dari pejabat ke pejabat untuk menemubual responden berdasarkan soalan soal selidik yang disediakan.

Sebelum pengkaji dapat menemubual responden, terlebih dahulu satu temu janji perlu dibuat. Lazimnya pertemuan ini dilakukan pada waktu makan tengahari atau selepas waktu pejabat. Terdapat juga responden yang mahu ditemubual melalui telefon di rumah mereka. Biasanya sesi temubual ini mengambil masa lebih kurang dua puluh minit atau kadang-kadang mengambil masa yang lebih lama apabila terdapat responden yang memberi penjelasan yang lebih lanjut mengenai soalan-soalan yang dikemukakan. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berpandukan soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik. Kaedah ini penting kerana melalui kaedah ini berlaku interaksi antara pengkaji dan responden.

Terdapat seramai 25 orang responden yang tidak mahu ditemubual. Maka pengkaji hanya meninggalkan borang soal selidik beserta dengan setem dan sampul surat untuk kemudahan responden.

Bentuk soalan soal selidik terbahagi kepada tiga jenis. Jenis yang pertama ialah soalan terbuka dan ini merangkumi sebanyak lima soalan. Bagi soalan jenis ini responden bebas untuk memilih bentuk dan panjang jawapan yang hendak diberinya [Ahmad Mahdzan Ayob, 1983:57]. Soalan jenis ini penting terutama jika pendapat responden diperlukan mengenai sesuatu isu dan pengkaji tidak mahu meneka pendapat responden.

Bagi memperolehi data sekunder, terutamanya bagi membina asas yang kukuh tentang bidang kajian, pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Maklumat diperolehi sama ada dari buku, risalah, bahan-bahan yang diterbitkan secara berkala seperti jurnal.